PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 46 RABU 17 NOBEMBER 1971. رابو 28 رمضان 1391 PERCHUMA

*Selamat Hari Raya Aidil-Fitri*

# ISTIADAT MENANDA-TANGANI PINDAAN PERJANJIAN 1959

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat Menanda-tangani Pindaan kapada Perjanjian 1959 di-jadualkan berlangsong tepat pada pukul 3.00 petang, hari Selasa 23 Nobember, 1971 di-Lapau, Bandar Seri Begawan.**

Dalam istiadat itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah akan menurunkan tanda tangan dan chap Baginda.

Sementara Yang Amat Berhormat Tuan Anthony Royle, M.P., Setia Usaha Rendah Parlimen, Pejabat Luar dan Komenwel akan menurunkan tanda tangan dan

(Lihat Muka 8)

# ISTANA DI-BUKA KAPADA ORANG RAMAI

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Istana Darul Hana akan di-buka kapada orang ramai untok mengadap dan menziarahi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi menguchapkan Selamat Hari Raya kapada baginda dan kerabat Diraja.**

**Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pg. Haji Mokthar Puteh berkata, orang ramai boleh melawat Istana mulai Hari Raya kedua.**

**Baginda akan menerima orang ramai mulai dari jam 9.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari dan antara pukul 2.00 tengah hari hingga pukul 4.00 petang.**

**Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana menambah kata bahawa jika Hari Raya jatoh pada 19hb. Nobember, Istana akan di-buka kapada orang ramai selama tiga hari, dan jika Hari Raya jatoh pada 20hb. Nobember, Istana akan hanya di-buka selama dua hari.**



**BEKAS Pesurohjaya Agong British di-Asia Tenggara, Awang Malcolm MacDonald telah mengadakan lawatan private ka-negeri ini sa-lama dua hari.**

**Gambar atas menunjokkan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika menguchapkan selamat belayar kapada Awg. MacDoland di-lapangan terbang Berakas.**

**Turut juga menguchapkan selamat belayar kapada bekas Pesurohjaya Agong British itu ia-lah T.Y.T. Pesurohjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair dan Penasehat Umum kebawah D.Y.M.M., Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa.**

# ASNAF2 MENERIMA BAHAGIAN MEREKA SA-BELUM HARI RAYA

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jumlah $20,000 telah di-peruntokan oleh Majlis Ugama Islam Brunei sa-bagai pendahuluan untok melichinkan pembayaran zakat fitrah kapada orang2 yang berhak menerima-nya sa-belum menjelang Hari Raya.**

Ini ada-lah untok menjamin penerimaan zakat dan fitrah di-kalangan orang2 yang berhak menerima-nya di-negeri ini terlebeh awal atau sa-belum menjelang idil-fitri untok memberikan masa sapatut-nya kapada penerima2 itu.

Demikian menurut Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin dalam uchapan beliau di-majlis peraduan membacha Al-Koran anjoran KEMUKA pada malam hari Sabtu lepas di-Kampong Burong Pingai Ayer.

**Ketika di-hubongi semalam, beliau menyatakan bahawa pembahagian zakat dan fitrah kapada orang2 yang berhak menerima-nya dengan menggunakan wang pendahuluan dari MUI itu telah di-mulakan sejak hari Isnin yang baru lalu.**

Dalam uchapan itu beliau telah mencheritakan beberapa kesah sedeh yang meliputi kapada kepayahan2 yang menimpa sa-tengah2 pendudok negeri ini saperti nasib ibu2 tua yang tidak di-hiraukan oleh anak2 mereka.

Dari kesah2 sedeh saperti itu, menurut beliau, ada-lah merupakan salah satu pengalaman di-kalangan amil2 yang di-lantek oleh MUI supaya lebeh hati2 pada pengutipan dan pembahagian zakat fitrah agar tugas2 itu dapat di-jalankan dengan sempurna.

Beliau berkata lagi bahawa arahan2 telah pun di-buat ka-

(Lihat Muka 8)

## Cheramah tafsir Koran di-tanggohkan

DI-MA'ALOMKAN kapada orang ramai, bahawa sempena Hari Raya Puasa, Cheramah Tafsir Koran di-Mesjid Omar Ali Saifuddin yang di-jadualkan pada hari Sabtu, malam Ahad 20hb. Nobember, 1971 tidak di-adakan, dan salepas itu cheramah tersebut akan berjalan saperti biasa, iaitu pada tiap2 hari Sabtu, malam Ahad.

## Pepereksaan kerani2 rendah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan Kerani2 Rendah bagi Kerani2 Tingkatan 'A' dan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Am akan di-adakan pada 31hb. Disember, 1971.

Chalun2 yang hendak masok pepereksaan ada-lah di-kehendaki menghantar nama2 mereka melalui Ketua2 Pejabat mereka kapada Pegawai Perjawatan dengan seberapa segera yang boleh dan mesti-lah tiba tidak lewat daripada 27hb. Nobember, 1971.

Chalun2 hendak-lah menyatakan dengan terang mengenai lantekan, kelayakan pelajaran, umor dan gaji mereka sekarang. Mereka yang akan mengambil satu perkara ada-lah di-kehendaki menyatakan perkara yang akan di-ambil-nya itu.

# HARI RAYA IA-LAH HARI KEBESARAN YANG DI-AKUI ISLAM

OLEH:
Awang Abdul Latif bin Haji Hashim, Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei, Bahagian Penerangan.

DENGAN terbenam matahari pada petang hari yang akhir bagi bulan Ramadhan maka berakhir-lah satu lagi tugas suchi yang di-fardhukan ka-atas sa-tiap orang Islam yang dewasa dan berakal siuman ia-itu berpuasa sa-bulan Ramadhan.

Hari, satu haribulan Shawal di-namakan Hari Raya Fitri atau 'Idil-fitri ia-itu Raya Berbuka Puasa.

Pada hari raya yang chemerlang ini kita umat Islam di-wajib dua perkara; **Pertama,** berbuka puasa yakni hari ini haram berpuasa walau dengan apa2 sebab pun. **Kedua,** wajib mengeluarkan FITRAH atau sedekah Fitrah ia-itu sadikit makanan kita, umpama beras atau harga beras yang sama dengan kira2 banyak-nya 3 kati 12 tahil bagi timbangan negeri Brunei.

Fitrah ini di-sedekahkan malam raya atau pagi raya ini kapada orang2 Islam yang fakir, miskin, Mualaf, orang dalam perjalanan, kerana sabilullah dan lain2 yang termaklom dalam hukum memberi Fitrah dan Zakat.

Oleh yang demikian jika ada antara kita umat Islam yang mampu tetapi belum lagi mengeluarkan fitrah diri-nya atau tanggongan-nya pada pagi raya ini hendak-lah segera melakukan kewajipan yang mulia itu dengan tidak tanggoh bertanggoh lagi selewat2-nya sa-belum masok matahari petang ini, supaya ia tidak kerugian dan kehilangan pahala berpuasa yang amat besar hikmat-nya.

Di-samping dua kewajipan tadi, ia-itu berbuka puasa dan memberi fitrah maka hari raya ia-lah juga hari ummat Islam berbangga, bershukor dan bergembira dan perasaan itu mereka lahirkan dengan menguchap TAKBIR beramai-ramai dan keluar ka-tempat2 sembahyang saperti mesjid, surau atau padang2 yang ditentukan untok melakukan dua rak'at sembahyang sunnat Hari Raya Fitri, mereka menguchap salawat dan salam dan pujian kapada Allah atas nekmat dan hidayat-Nya. Lepas sembahyang mereka bersalam2, membaharui tali persaudaraan Islam dan makan minum jamuan yang baik dan halal sa-terus-nya ziarah menziarah antara satu dengan lain-nya dengan muka yang berseri dan perasaan yang riang dan senang.

Raya Fitri atau Raya Berbuka Puasa ini ada-lah satu daripada **hari Keugamaan** yang telah termaklom dengan terang-nya di-dalam kitab2 Ugama Islam dan di-akui dengan tiada berkechuali oleh seluroh ummat Islam. Perentah mewajibkan berhari-raya pada satu Shawal, ada-lah di-terangkan Allah di-dalam Al-Koran, Ayat 185 Suratul-Baqarah yang terjemahan dalam bahasa Melayu-nya: "Bulan Ramadhan ia-lah bulan yang pada-nya di-turunkan Al-Koran untok menjadi pimpinan bagi manusia dan bokti pimpinan yang terang dan penguji (antara hak dan sesat). Maka oleh itu barang siapa antara kamu telah melihat (hadzir dalam) bulan itu hendak-lah ia puasa, barang siapa sakit atau di-dalam perjalanan maka (wajib ia puasa) sa-barang (hari yang ketinggalan) itu di-hari2 yang lain, (kerana) Allah hendak memberi keringanan bagi kamu dan ia tidak hendak (memberi) keberatan atas kamu, dan (Ia hendak) supaya kamu sempurnakan bilangan (puasa) itu **dan supaya kamu bertakbir mengagongkan Allah (sa-lepas Puasa)** di-atas pertunjok yang di-kurniakan kamu dan supaya kamu bershukor (kapada-Nya)."

Atau terjemahan bahasa Inggerisnya: *The month of Ramadzan is that in which the Quraan was revealed, a guidance to men and clear proofs of the guidance and the Criterion. So whoever of you is present in (or witness the) the month he shall fast therein, and whoever is sick or on a journey (he shall fast) a (like) number of other days. Allah desires ease for you, and He desires not hardship for you, and (He desires) that you should complete the number and that you SHOULD EXALT THE GREATNESS OF ALLAH OR HAVING GUIDED YOU AND THAT YOU MAY GIVE THANKS.*

Hari Raya Fitri juga satu hari yang di-hormatkan dan pengharaman berpuasa pada hari itu ia-lah tanda penghormatan kapada ummat Islam yang telah berjuang keras dan hebat menentang nafsu yang ada di-dalam diri masing2, nafsu yang sedia ada di-dalam badan kita yang timbul-nya dari tuntutan "nature" manusia saperti makan minum dan perhubongan jenis.

Perjuangan hebat itu di-deritai oleh ummat Islam sa-lalama sa-bulan tiap2 hari dari pagi hingga masok matahari petang, menahan diri dari tuntutan2 nature atau Tabi'e, berlapar dahaga dan menjauhi dari perasaan sex dan sebagai-nya. Sa-lain dari itu sa-lama berpuasa itu ummat Islam melateh disiplin diri dan tata tertib kemasharakatan dengan menjauhi dari perchakapan yang sia2 atau yang menyakitkan hati teman kawan dan orang lain. Pada malam-nya pula mereka memakan sadikit makanan yang mengenyang sahaja dan berbuat amal ibadah tambahan saperti sembahayang Tarawikh dan Bertadrus mengulangi bachanan Al-Koran. Maka Hari Raya Fitri memainkan peranan sa-bagai hari terlepas penderitan dan memisahkan antara 'amal puasa yang suram dan kabur itu kapada kembali ka-hari2 yang normal, sebab itu memang patut-lah ia-nya di-sambut dengan gema takbir mengalun di-udara memuji kebesaran Allah dan mengharapkan limpah rahmat-nya agar menerima 'amal puasa ummat Islam yang berpuasa chukup sa-bulan Ramadhan dan juga semoga ia mema'afkan keuzoran mereka yang lemah dan yang tidak terdaya memenahi fardhu puasa sa-bulan Ramadhan dengan sempurna.

Dari perentah Puasa dan Raya mencherminkan tugas peribadi sa-tiap orang Islam dan tugas sa-tiap orang kapada masharakat. Puasa memimpin kapada disiplin diri dalam menerima perentah Tuhan dengan siap sedia dan berani menderita kepahitan dan kesusahan, di-samping itu puasa juga mengajar kenal penderitaan manusia yang malang oleh ketiadaan atau kekurangan bahan2 makanan, gulongan yang miskin dan tidak bernasib baik yang terdapat di-dapat di-mana2 di-merata dunia.

Kalau ummat Islam yang berpuasa itu sudah kenal arti lapar dahaga sa-lama 12 jam siang hari dan merasai kepedehan bisa-nya kelaparan, maka wajar-lah ummat Islam itu dapat menginsafi penderitaan manusia lain-nya yang telah lama menderita kepahitan lapar dan kekurangan makanan, dan akan menimbulkan satu chita2 mulia sesuai dengan ajaran ugama Islam agar berusaha lebeh keras pada membenteras kelaparan ia-itu musoh nombor satu kapada manusia di-dalam dunia.

Hari Raya pula dengan segala kemeriahan pada-nya memberi satu arahan yang maha halus dan lojik umat Islam supaya jangan-lah kesenangan dan kegembiraan itu di-nekmati oleh orang perseorangan sahaja bahkan mesti-lah di-rasai bersama oleh seluroh masharakat kerana itu-lah di-wajibkan mengeluarkan Fitrah untok memberi bantuan dan kesukaan kapada anggota masharakat Islam yang fakir dan miskin pada hari itu hingga sa-tiap orang di-dalam masharakat Islam di-sebuah kota atau kampong akan sama2 menekmati kegembiraan hari yang mulia itu, dan saterus-nya akan di-jamin oleh masharakat seluroh-nya agar semua ummat Islam dan manusia ini ada-lah bersaudara dan mesti-lah jangan terbiar keadaan yang timpang dalam kehidupan itu selama2-nya.

Begitu luas dan mendalam falasafah dan hikmah puasa dan raya yang menjadi satu achara wajib sa-tiap tahun kapada kita ummat Islam, kalau-lah seluroh ummat Islam ini memahami dan mengerti hikmah2 itu dan menjalankan tugas puasa dan raya sesuai dengan semangat-nya akan segera-lah kita dapat mengubah chorak hidup dan kemasharakatan kita, sama ada di-negeri kita atau di-mana2 jua, kapada satu chara hidup yang berseh, chergas, bersunggoh2, jujur dan penoh insaf.

Semoga-lah Tuhan Allah Subhananahu Wa'ta'ala melimpahi Taufik dan pertunjok-nya kapada kita dan seluroh ummat Islam di-mana2 jua mereka berada, bersempena Hari Raya yang mulia, agar dapat-lah kita beramal dengan segala pertunjok dan perentah2 ugama kita dengan penoh pengertian dan fahaman atas faedah2 di-dalam-nya untok kejayaan hidup kita sendiri, berbakti kapada ugama, bangsa dan negara. Selamat Hari Raya 'Aidul-Fitri kapada saudara2 sekalian dengan beroleh nekmat, rahmat, sehat wal-'afiat. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

# KHUTBAH JUMA'AT

# Zakat fitrah bertujuan untok membela nasib umat Islam yang tidak berkemampuan yang wajar

**DI-HARI2 hampir tiba-nya Hari Raya Puasa ini dapat-lah kita perhatikan kesebokkan2 masharakat Islam kita untok menyambut hari yang bahagia itu. Di-sana sini dan di-kedai2 dapat kita saksikan orang2 Islam membeli belah untok keperluan2 dan persediaan2 menyambut Hari Raya.**

Dalam suasana yang bagiatu sebok mungkin ada orang yang tidak menyedari bahawa ada sa-bahagian daripada saudara2 kita dari gulongan masharakat Islam yang tidak dapat berbuat demikian di-sebabkan keadaan nasib mereka yang kurang baik dan tidak mempunyai kemampuan yang wajar dalam kehidupan mereka.

**"Maseh ada yang belum sanggup mengikis kebiasaan lama dalam mengunjok dan menyerahkan zakat fitrah-nya yang turun temurun yang di-tumpukan kapada orang2 yang di-sukai-nya".**

Untok merengankan lagi beban berat yang menimpa sabahagian daripada masharakat Islam kita itu dan untok mendekatkan lagi jurang perbezaan yang terdapat antara orang2 Islam yang lebeh berada dengan orang2 Islam yang kurang berada atau kurang bernasib baik dalam kehidupan masing2, maka ada-lah kena pada tempat-nya bagi umat Islam memberi kejasama dan sokongan yang penoh kapada kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam usaha-nya melancharkan kutipan zakat fitrah di-negeri.

Menurut pengalaman dua tahun kutipan zakat fitrah itu di-jalankan kita ada-lah difahamkan bahawa kerjasama umat Islam boleh-lah di-katakan menggalakkan.

Tetapi dalam pada itu maseh ada sa-bahagian kechil daripada umat Islam di-setengah2 tempat yang maseh kurang faham tentang usaha2 kerajaan yang berkebajikan ini. Maseh ada orang yang belum sangup mengikis kebiasaan2 lama dalam **'mengunjok'** dan menyerahkan zakat fitrah-nya yang turun temurun menurut hanya di-tumpukan kapada sa-seorang tertentu yang di-sukai-nya.

Soal sama ada orang tertentu itu adakah benar2 menepati kehendak2 asnaf yang lapan yang berhak menerima zakat atau tidak tepat-nya tidak-lah bagitu di-pentingkan o l e h orang2 tersebut. Menurut hukum shara' mana2 zakat sama ada zakat harta atau fitrah y a n g di-serahkan kapada atau dengan jalan yang tidak menepati kehendak2 shara', maka zakat itu ada-lah menjadi sedekah sunat sahaja dan tidak-lah menggugurkan tanggongan wajib yang di-kenakan oleh shara' ka-atas orang itu.

Oleh kerana itu kerajaan Duli Yang Maha Mulia menerusi Majlis Ugama Islam bagi negeri ini telah dan sedang berusaha bagi melichinkan lagi urusan2 yang berhubong dengan zakat dan fitrah dengan harapan akan dapat-lah zakat atau fitrah itu di-kutip, di-tadhir dan di-bahagian kapada orang2 yang benar2 berhak mengikut yang di-tentukan oleh shara'.

Menurut shari'at Islam, zakat dan fitrah itu bukan-lah suatu kewajipan yang tertaklok atas kemahuan diri tiap2 orang Islam — apabila dia suka dia keluarkan, dan apabila dia tidak suka tidak payah di-keluarkan. Tetapi mengeluarkan zakat ada-lah rukun Islam yang wajib ditunaikan apabila memenohi sharat2. Kerana zakat dan fitrah itu ada-lah hak fakir atau miskin atau lain2 asnaf yang telah di-tentukan oleh Allah. Sa-bagaimana firman Allah di-dalam suratul Ma'arej ayat 24 dan 25 yang bermaksud:

**"Dan orang2 yang dalam harta-nya ada hak yang tertentu untok orang2 yang meminta dan orang2 miskin yang tidak mahu meminta".**

Maka ada-lah menjadi hak kapada ketua pemerentah di-dalam satu2 negeri Islam itu menjalankan kutipan zakat dan fitrah dan membahagikan-nya kapada orang2 yang berhak dengan adil dan saksama. Maka kerana itu-lah Nabi Mohammad s.a.w. selaku ketua negera Islam telah menjalankan kutipan zakat dan fitrah dan tidak membiarkan urusan terserah kapada urusan perseorangan.

Oleh yang demikian ada-lah di-harapkan supaya salah faham di-kalangan sa-bahagian kechil umat Islam di-setengah2 tempat di-negeri ini tidak akan berlanjutan kerana pengutipan yang di-jalankan oleh Majlis U g a m a Islam itu, kembali faedah dan munafaat-nya kapada keseluruhan masharakat Islam kita, bukan kembali kapada satu2 orang yang ditumpukan penyerahan zakat kapada-nya sedang orang2 lain yang sama2 berhak tidak dipedulikan.

## Pendudok2 Labi akan mendapat bekalan ayer

KUALA BELIAT. — Pendudok2 di-kawasan mukim Labi tidak lama lagi akan mendapat bekalan ayer yang berseh berikutan dengan siap-nya ranchangan bekalan ayer Labi baru2 ini.

Kerja2 pembenaan ranchangan itu telah di-mulakan lewat tahun lepas dengan perbelanjaan yang di-anggarkan sa-banyak sa-ratus tiga puloh ribu ringgit.

Kerja itu melibatkan pembenaan kilang penyampur ubat dan penapis, memasang saloran2 paip besar dan pembenaan sa-buah tangki ayer.

Tangki itu, yang di-perbuat dari besi, boleh memuatkan sa-ratus ribu gelen ayer.

Ayer akan di-perolehi dari dua buah telaga yang ada sekarang dan di-pam ka-kilang2 penyampor ubat dan penapis.

Sa-lepas di-champor ubat dan di-tapis ayer itu akan dipam masok ka-saloran2 besar yang membawa-nya ka-tangki yang tinggi letak-nya.

## Sa-orang lagi lulus ijazah M.A.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang penuntut, Awang Mohamed Amin bin Hj. Abd. Rahim yang menuntut di-Universiti Al-Azahar Kahirah telah pulang ka-Brunei pada minggu lepas.

Awang Mohamed A m i n yang mendapat dermasiswa Kerajaan Brunei telah lulus dengan mendapat ijazah M.A. dalam perundangan Islam dari Universiti Al-Azahar.

Beliau akan menyambong lagi pelajaran-nya di-Universiti Ainsham Kahirah bagi mendapatkan diploma d a l a m perundangan Islam.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Nobember, 1971 hingga ka-hari Selasa 23 Nobember, 1971 ada-lah saperti di-bawah ini:–*

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 17 Nob. | 12-12 | 3-30 | 6-08 | 7-23 | 4-37 | 4-52 | 6.08 |
| 18 Nob. | 12-12 | 3-30 | 6-08 | 7-23 | 4-37 | 4-52 | 6.08 |
| 19 Nob. | 12-12 | 3-30 | 6-08 | 7-23 | 4-37 | 4-52 | 6.08 |
| 20 Nob. | 12-12 | 3-30 | 6-08 | 7-23 | 4-37 | 4-52 | 6.08 |
| 21 Nob. | 12-12 | 3-31 | 6-09 | 7-24 | 4-38 | 4-53 | 6.10 |
| 22 Nob. | 12-12 | 3-31 | 6-09 | 7-24 | 4-38 | 4-53 | 6.10 |
| 23 Nob. | 12-12 | 3-31 | 6-09 | 7-24 | 4-38 | 4-53 | 6.10 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendah-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.*

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

### SURAT KUASA PESAKA
No. 24/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Piah binte Che'mat, d/a. Abdullah bin Hj. Hassan, Pejabat Kad Pengenalan, Seria kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Hassan bin Haji Kasah alias Haji Hassan bin Haji Abu Kasah yang telah telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 26/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Amin bin Kaloi, Pulis Penchegah Rusohan, Batu 4, Jalan Seria/K. Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jamilah binte Suntai yan gtelah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 27/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lihah binte Mang @ Mit anak Mang, d/a. Abdullah bin Gador, Flat No. 199 C-3, Jalan Pengalima, K. Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Sinyor bin Awang Gador yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 31/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh O.K.I. Negara Awang Jaraie bin O.K. Singa Menteri Awang Gador, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh O.K.S. Menteri Awang Gador bin O.K. Kuyan yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 33/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tipah binte Orang Kaya Jumat, d/a. Awang Jaya bin Zaidin, Pejabat Daerah, K. Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Meramit bin Jaidin yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 34/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Samah bin Ali, d/a. Water Plant, B.S.P. Co. Ltd., Seria Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Oteh binte Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 38/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mastura binte Radin Metali, d/a. Awang Ahmad bin Rendah, Pasar Sayor, K. Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Radin Metali bin Radin Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 40/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Muti binte Abang Bujang, d/a. Masri bin Mohijuddin, Balai Pulis Panaga, Seria kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohijuddin bin Rakawi yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 41/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ibrahim bin Idrus, d/a. Lot No. 2605, Kg. Melayu, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Rohana binte Abdullah @ Ramayan binte Deman yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah suami kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 44/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ismail bin Abas, d/a. Lot No. 368, Kampong Melayu, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Isah binte Teck @ Dayang Aisah binte Abdullah yang telah meninggal dunia di -dalam K. Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 45/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mariam binte Mursid, d/a. Kg. Sungai Duhun, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Salleh bin Adam yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

### SURAT KUASA PESAKA
No. 48/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Said bin Fatimah, Lot No. 3508, Jalan Pandan, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Riamah binte Sabtu yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Nobember, 1971, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Nobember, 1971.

**MD. ALI BIN DAUD,**
**Tim. Pegawai Penguasa Warith.**
**Negeri Brunei.**

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

## Sa-bagai Juru Pemuleh Anggota

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Juru2 Pemuleh Anggota yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

*Kelayakan2:*

Kelulusan yang lazim-nya di-perlukan ia-lah Chartered Physiotherapist (United Kingdom) atau kelulusan bersamaan yang di-ikuti.

*Gaji:*

Dalam sukatan gaji BW 1 — $1090-1140x40-1300. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

*Duration:*

Satu kontrek sa-lama tiga tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

*Baksis:*

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

*Chukai Pendapatan:*

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 9hb. Disember, 1971.

## *Tawaran untok menguruskan kanten sekolah2 Menengah Arab*

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-perlawa untok menyewa bagi menguruskan perkhidmatan2 berhubong dengan Kanten di-kedua2 buah Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah/Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit sa-lama dua tahun mulai Januari, 1972.

Tawaran boleh-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamatkan Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat dari 23hb. Nobember, 1971 jam 12.00 tengah hari.

Wang deposite mengenai perkara tersebut ada-lah di-kehendaki sa-banyak $100.00 dan wang itu hendak-lah di-bayar ka-Pejabat Kewangan Negara, Brunei bahagian Cash Section.

Keterangan2 lanjut mengenai perkara ini boleh di-dapati daripada Pengetua Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah/RAID di-batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan pada bila2 masa waktu sekolah itu di-buka.

Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang paling murah atau sa-umpama-nya.

## Jualan lelong barang2 emas

DENGAN ini di-ma'alomkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tebus akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 4hb. Disember, 1971 mulai jam 9.00 pagi.

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

**IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER, KUALA BELAIT.**

ADMINISTRATION SUIT

No. 43 of 1971.

Application to this Court having been made by Wong Yun Choi of No. 128, Kampong China, Lorong 3, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Chong See Moi late of Seria, Kuala Belait, deceased, on the ground that applicant is lawful husband of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 24th day of November, 1971, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 11th day of November, 1971.

ADMINISTRATION SUIT

No. 46 of 1971.

Application to this Court having been made by Chan Pow c/o Liew Nang Chai of Lot No. 2366, Jalan Puteri China, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Liew Lip late of Kuala Belait deceased, on the ground that applicant is lawful widow of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 24th day of November, 1971, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 11th day of November, 1971.

ADMINISTRATION SUIT

No. 47 of 1971.

Application to this Court having been made by 1. Soong Shad Yong; 2. Soong Ah Kaw of Lot No. 346, Kg. China, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Soon Sui Choi late of Seria deceased, on the ground that applicants are lawful sons of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 24th day of November, 1971, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 11th day of November, 1971.

ADMINISTRATION SUIT

No. 49 of 1971.

Application to this Court having been made by Liew Nyuk Yun of G 17/44A, Lorong 5, Seria State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Liew Chon deceased, on the ground that applicant is lawful son of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 24th day of November, 1971, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 11th day of November, 1971.

**MD ALI BIN DAUD,**
**Deputy Probate Officer.**

# SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



# D.Y.M.M. MERASMIKAN PEMBUKAAN MUZIUM PERINGATAN CHURCHILL

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan merasmikan pembukaan Muzium Peringataan Churchill di-Bandar Seri Begawan pada pagi 23 Nobember, 1971 hari Selasa depan.**

Bangunan Peringatan Churchill itu di-bena di-satu kawasan di-penjuru antara Jalan Sultan dan Jalan Stoney berdekatan dengan rumah sakit besar.

Istiadat merasmikan pembukaan tersebut antara-nya akan di-hadhiri oleh Yang Amat Berhormat Tuan Anthony Royle, M.P., Setia Usaha Rendah Parlimen, Pejabat Luar dan Komenwel; Tuan Yang Terutama Pesurohjaya T i n g g i British di-Brunei, Awang A.R. Adair; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir; Yang Berhormat Penasehat Umum kapada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir serta Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan.

Di-antara tetamu2 luar negeri yang akan menghadhiri pembukaan itu termasok-lah Dayang Mary Soames, anak perempuan kapada mendiang Sir Winston Leonard Spencer Churchill ia-itu isteri kapada Duta British di-France, T.Y.T. Christopher Soames.

Lain2 tetamu kehormat ka-istiadat itu ia-lah General Sir Dato Walker dan Datin Lady Walker, General Sir Dato George dan Datin Lady Lea, Major General Pugh dan isteri; Yang Berhormat Awg. George Thomas, ahli Parlimen British; Dato dan Datin John Peel; Awang J.G. Le Quesne, Penasehat Undang2; Dato dan Datin Alister MacDonald; Awang Wilford dari Pejabat Luar British. Setiausaha kapada Tuan Anthony Royle, Awang. Logan; Y.D.M. Pehin O.K. Datu Patinggi Maha Kornia Diraja Dato Seri Utama Sir Dennis White; Sir Charles Taylor dan Viscount Boyd of Merton.

Bangunan Peringatan Churchill telah di-chipta dan di-sabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan pada tahun 1965 ia-itu sa-masa Duli Yang Teramat Mulia itu maseh menjadi Sultan.

Tujuan Duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah untok menyediakan satu pusat bagi kemudahan2 pelajaran dan kebudayaan dengan maksud untok memajukan pelajaran sa-bagai t a n d a penghormatan kapada m e n d i a n g Winston Churchill yang telah memainkan peranan penting dalam memelihara kebebasan manusia dan bangsa dalam kurun yang ke-20.

Bangunan itu terbahagi kapada empat bahagian besar ia-itu Muzium Peringatan Churchill; Perpustakaan; Akuariam Hassanal Bolkiah dan Pejabat2 dari Jabatan Perikanan Negara; dan Pusat Sejarah dan Kebudayaan Brunei.

Di-halaman bangunan itu terdiri tugu Sir Winston Churchill di-atas pedudokan geranait Inggeris. Tugu itu berukoran lapan kaki tinggi, berat-nya 1,200 paun dan di-perbuat daripada gangsa. Ahli seni-pahat untok tugu itu ia-lah Dayang Astrid Zydower.



Bangunan Muzium Peringatan Churchill.

# Asnaf2 menerima bahagian mereka sa-belum Hari Raya

(Dari Muka 1)

pada amil2 yang di-lantek supaya pembahagian zakat fitrah kapada mereka itu akan dapat di-sempurnakan sa-belum hari raya.

Kapada seluroh Umat Islam di-negeri ini beliau berseru supaya mereka memahami akan kewajipan masing2 dalam pengeluaran zakat dan fitrah itu dan hendak-lah di-tinggalkan kelaziman2 yang karut marut dan menyalahi ajaran2 Ugama Islam saperti membayar fitrah kapada orang2 yang bukan berhak menerima-nya.

Mengenai pembachaan Al-Koran di-kalangan belia2 pula, beliau berkata bahawa kurang-nya belia2 menghadhiri majlis2 bertadrus itu tidak-lah berarti yang belia2 Islam di-negeri ini tidak tahu membacha kitab suchi itu.

Sa-bagai bokti, kata-nya, di-sepanjang bulan p u a s a sangat ramai belia2 yang menunaikan sembahyang fardhu dzuhor di-Mesjid Omar Ali Saifuddin dan lepas itu mereka khuso' pula membacha Al-Koran.

Beliau telah mencheritakan berhubong dengan kebiasaan orang2 Brunei yang sejak kechil2 lagi telah menerima pendidekan membacha Al-Koran.

Orang tua2 Brunei, kata-nya, merasakan satu kewajipan yang mesti di-tunaikan untok mendidek anak2 mereka membacha Al-Koran sa-hingga-lah anak2 itu menjalani majlis khatamal Koran.

"Bagai belia2 Brunei dahulu-nya ada-lah menjadi suatu kemegahan apabila mereka pandai membacha Al-Koran dengan baik-nya yang mana kemegahan saperti itu sa-olah2 sama dengan kemegahan mereka pandai berdikir dan pandai bersilat", ujar beliau.



**PENGETUA Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.**

# *Pulang sa-telah berkursus di-U.K.*

BANDAR SERI BEGAWAN. Dua orang pegawai dari Pasokan Bomba telah pulang dari United Kingdom pada hari Isnin sa-lepas tamat menjalani kursus latehan pegawai sa-lama tiga bulan di-balai2 Bomba di-Britain.

Mereka itu ia-lah Awang Wahabi bin Metusin, Pegawai Bahagian dan Awang Mohammed Saad bin Taib, Penolong Pegawai Balai Bomba.

Semasa menjalani kursus mereka telah di-tempatkan di-Pasokan Bomba Surrey, Pasokan Bomba Southampton, di-mana mereka telah mempelajari aspek2 perkhidmatan2 bomba.

Sa-belum pulang ka-tanah ayer mereka telah menghadhiri satu kursus berkenaan dengan alat2 bernafas di-Maktab Teknikal Perkhidmatan Bomba, Mereton-In-Marsh, Cloucestershire

# Istiadat menanda-tangani Pindaan Perjanjian 1959

*(Dari Muka 1)*

chap atas nama dan bagi pehak Yang Maha Mulia Baginda Queen.

Selesai istiadat menurunkan tanda tangan itu, do'a selamat akan di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Yang Amat Berhormat Tuan Anthony Royle di-jadualkan tiba di-Lapangan Terbang Berakas sa-laku wakil Yang Maha Mulia Baginda Queen pada 22 Nobember ini.

Ketibaan beliau akan di-alu2kan oleh Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir, sa-laku wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan pembesar2 negara dan saterus-nya di-sambut dengan perbarisan kehormatan yang terdiri daripada pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Dalam istiadat menanda tangani itu, jemputan akan mulai tiba di-Lapau pada pukul 2.15 petang dan di-ikuti oleh pembesar2 negara.

Di-antara yang akan menghadhiri istiadat itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir; Yang Berhormat Penasehat Umum kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir; dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah.

Ketibaan wakil Yang M a h a Mulia Baginda Queen, Yang Amat Berhormat Tuan Anthony Royle ka-istiadat itu akan di-temani oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair. Sa-jurus sa-telah itu, Tuan Anthony Royle akan menerima tabek kehormatan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan berangkat tiba ka-Lapau kira2 10 minit sa-belum istiadat menanda tangani itu di-laksanakan.

Ketibaan Baginda akan di-sambut oleh perbarisan kehormatan dan saterus-nya memereksa perbarisan itu.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.